

21.03.2022

**KENYATAAN MEDIA**

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,  
 Ketua Pegawai Eksekutif,  
 PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn  
 Bhd (PBAPP)

**GANGGUAN BEKALAN AIR BERJADUAL 12 JAM DI  
 BEBERAPA KAWASAN DI SEBERANG PERAI SELATAN,  
 PULAU PINANG PADA 26 MAC 2022**

<b>Masa/Hari/Tarikh</b>	<b>10.00 malam, Sabtu 26 Mac 2022 – 10.00 pagi,    Ahad 27 Mac 2022</b>
<b>Sebab</b>	<b>1. Kerja-kerja penyelenggaraan di Loji Rawatan    Air (LRA) Bukit Panchor.    2. Kerja pengalihan paip untuk projek    pembangunan oleh JKP Sdn. Bhd. di Jalan    Bukit Panchor, SPS, Pulau Pinang.</b>
<b>Bil. Akaun air yang    terjejas</b>	<b>15,785</b>

PULAU PINANG, Isnin, 21.03.2022: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) akan menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan di Loji Rawatan Air (LRA) Bukit Panchor dan kerja-kerja pengalihan paip-paip 600mm Keluli Lembut (MS) dan 600mm Besi Mulur (DI) di Jalan Bukit Panchor, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang untuk pembangunan oleh JKP Sdn. Bhd (JKP) pada hari Sabtu, 26 Mac 2022.

Bagi memudahkan semua kerja fizikal ini, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) perlu mengasing dan “menutup” Sesalur Utama 600mm Keluli Ringan (MS) sedia ada.

Kerja-kerja penyambungan akan dilakukan oleh kontraktor JKP.

Penutupan saluran paip ini akan menyebabkan gangguan bekalan air berjadual selama 12 jam di beberapa kawasan di Seberang Perai Selatan.

Kira-kira 15,785 akaun air akan terjejas oleh gangguan bekalan air ini.

Pengguna-pengguna di kawasan berikut dinasihatkan menyimpan air mencukupi untuk kegunaan selama **12 jam, dari 10.00 malam, Sabtu 26 Mac 2022 – 10.00 pagi, Ahad 27 Mac 2022:**

Tiada bekalan air			
1.	Jalan Bukit Panchor	9.	Klinik Kesihatan Sungai Acheh
2.	Kawasan Transkrian	10.	Balai Bomba Nibong Tebal
3.	Kawasan Permatang Tok Mahat	11.	Universiti Sains Malaysia
4.	Kawasan Jalan Sempadan	12.	Kawasan Kampong Teluk
5.	Kawasan Sungai Acheh	13.	Kawasan Sungai Buaya
6.	Kawasan Sungai Udang	14.	Kampung Sungai Kechil
7.	Klinik Kesihatan Bukit Panchor	15.	Kampong Besar
8.	Klinik Kesihatan Nibong Tebal	16.	Perda Tech
Tekanan air rendah			
1.	Nibong Tebal town area		

Sila rujuk pada peta di 'Appendix A' yang memaparkan kawasan-kawasan yang terjejas.

Sila ambil perhatian bahawa kerja-kerja penyelenggaraan di LRA Bukit Panchor adalah perlu bagi memastikan bekalan air yang baik dan kerja-kerja penyambungan paip adalah untuk membolehkan projek oleh JKP di kawasan berkenaan.

PBAPP memohon maaf atas sebarang kesulitan sementara yang berlaku. Sila simpan air yang mencukupi untuk kegunaan ketika gangguan air 12 jam.

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)

